

Februari 2014. Pelaksanaan Projek HSBB 2 melibatkan semua ibu negeri dan kawasan bandar utama terpilih di seluruh Malaysia berasaskan infrastruktur gentian optik yang membolehkan capaian melebihi 100 Mbps. Namun begitu, pelaksanaan Projek HSBB 2 masih belum bermula tertakluk kepada keputusan berkenaan cadangan sumber pembiayaan Kerajaan.

Di Kelantan, perkhidmatan jalur lebar talian tetap ADSL/Streamyx dengan kelajuan sehingga 8Mbps (bergantung kepada lokasi pelanggan dan ibu sawat) telah disediakan di kawasan-kawasan utama. Selain itu, peluasan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi melalui Projek HSBB di Kelantan telah dilaksanakan dengan penyediaan sambungan teras IP (IPcore) yang kini telah siap dipasang. Seterusnya, kerja menaik taraf ibusawat di Kota Bharu dan Kubang Kerian untuk peringkat pertama bagi negeri Kelantan sedang dirancang dan dijangka akan bermula pada penghujung tahun ini. Penyediaan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi ini akan turut dilaksanakan di daerah-daerah lain seperti Jeli dan Pengkalan Chepa secara berperingkat dalam masa 3 tahun.

SOALAN (143)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

SOALAN :-

Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah pusat hiburan yang berlesen dan tidak berlesen mengikut negeri serta mekanisme yang digunakan oleh pihak Kementerian dalam mengawal pengeluaran lesen pusat hiburan dan memastikan pusat hiburan hanya dibuka sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Butiran 5(f), Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa pelesenan tempat hiburan awam adalah di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada beberapa buah negeri, jumlah pusat hiburan berlesen yang terdapat di Negeri Sarawak adalah sebanyak 386 buah, Pahang 370 buah, Pulau Pinang 749 buah, Terengganu 108 buah, Perak 420 buah dan Negeri Kedah 660 buah. Untuk pusat hiburan tidak berlesen di Pulau Pinang sebanyak 23 buah, Terengganu 6 buah, Perak 86 buah dan Kedah 186 buah.

Dalam usaha mengawal pengeluaran lesen dan waktu operasi pusat hiburan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan garis panduan seperti berikut:

- (i) Pekeliling bil. (11) KPKT (02) (S) 8/37 Klt 2 bertarikh 19 Julai 1997 – Larangan Kepada Orang Bawah Umur Memasuki Pusat Hiburan. Pekeliling ini telah meminta Kerajaan Negeri memastikan semua PBT di negeri masing-masing mengeluarkan arahan kepada semua pengusaha pusat hiburan di kawasan masing-masing untuk memberitahu pengunjung-pengunjung mengenai larangan orang di bawah umur memasuki tempat-tempat hiburan;
- (ii) Pekeliling bil. (70) KPKT (02) (S) 8/37 Klt 5 bertarikh 26 September 2000 – Penguatkuasaan PBT Terhadap Kegiatan Yang Tidak Sihat di Pusat-Pusat Hiburan. Pekeliling ini antara lain meminta PBT memastikan premis hiburan tidak melampaui masa yang ditetapkan untuk beroperasi (iaitu tidak beroperasi sehingga pagi); dan
- (iii) Pekeliling bil. (42) KPKT (02) 799/6 Klt 5 bertarikh 12 Julai 2003 – Tindakan Penguatkuasaan oleh PBT ke Atas Pusat-Pusat Hiburan. Pekeliling ini antara lainnya memaklumkan Kerajaan telah membuat keputusan supaya tindakan penguatkuasaan ke atas pusat-pusat hiburan ditingkatkan dan agar PBT mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas.

Dalam usaha mengawal pengeluaran lesen pusat hiburan dan memastikan pusat hiburan hanya dibuka sehingga jam 12.00 tengah malam sahaja PBT-PBT telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif. Antaranya, PBT menetapkan bahawa pengeluaran lesen hiburan tertakluk kepada Jawatankuasa Tetap Pelesenan PBT. Ada juga PBT yang menghadkan bilangan premis hiburan bagi setiap lokasi dan juga mendapatkan pandangan/ ulasan daripada Jabatan Teknikal serta pemimpin masyarakat sebelum pertimbangan kelulusan diberikan. Ada juga PBT yang mewujudkan Jawatankauasa Pemantau Pusat Hiburan yang terdiri daripada Agensi Kerajaan, Ahli Majlis, Jawatankuasa Pelesenan, PBT dan NGO. PBT juga mengadakan operasi berkala dan pemeriksaan mengejut ke pusat hiburan dan mengambil tindakan penguatkuasaan serta mengeluarkan kompaun jika ingkar. Tindakan penguatkuasaan turut dijalankan bersama pihak PDRM secara berkala.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014